

**PAC puas hati penjelasan Arul Kanda, kata Hasan
Malaysian Insider
Dec 1, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan penjelasan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Arul Kanda Kandasamy yang dipanggil menghadap jawatankuasa itu hari ini, kata pengerusinya Datuk Hasan Arifin.

"Setakat ini penjelasannya memuaskan," katanya selepas semua ahli panel PAC menyoal siasat Arul selama 2 jam di pejabat PAC di bangunan Parlimen hari ini.

Bagaimanapun, sesi prosiding akan bersambung semula selepas berhenti rehat untuk makan tengah hari, dan Hasan berkata mereka belum memutuskan sama ada akan memanggil semula Arul atau tidak.

Arul juga enggan bercakap kepada pemberita selepas menghadap PAC.

Minggu lepas, PAC menyoal siasat bekas ketua pegawai eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Halmi selama 2 hari.

Shahrol disoal mengenai pembentukan 1MDB dan perjanjian kontroversinya dengan PetroSaudi.

Arul dijangka disoal berhubung keadaan hal ehwal semasa dalam syarikat itu.

Naib Pengerusi PAC Dr Tan Seng Giaw berkata Arul tidak membawa bersamanya sebarang "bagasi" kerana kebanyakan tawaran kontroversi itu berlaku sebelum beliau menjadi presiden awal tahun ini.

"Kebanyakannya berlaku antara 2009 hingga 2014," katanya. – 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pac-puas-hati-penjelasan-arul-kanda-kata-hasan>